



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS BERTADARUS
BAGI PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN**

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA
SEMPENA BULAN RAMADHAN TAHUN 1446H/2025M**

Hari Rabu, 18 Ramadhan 1446H / 19 Mac 2025M

Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Bertadarus sempena bulan Ramadhan bagi Tahun 1446H bersamaan 2025M bertempat di Masjid Kampong Kilanas.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Turut hadir ialah Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian beserta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya.

Majlis Bertadarus telah dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Tetamu Kehormat majlis dan diteruskan dengan bacaan tadarus Al-Quran daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan diakhiri dengan solat fardhu asar berjemaah dan penyerahan sumbangan infak kepada imam masjid.

Majlis seumpama ini adalah merupakan aktiviti keagamaan tahunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pada setiap tahun di bulan Ramadhan yang mulia untuk mengeratkan silaturrahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Jabatan-Jabatan di dalamnya bagi meraih pahala lebih-lebih lagi untuk mendapatkan keredhaan serta keberkatan daripada Allah S.W.T. Majlis Bertadarus pada tahun ini telah diselenggarakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam
Emel: pr@mofe.gov.bn

Tarikh: 18 Ramadhan 1446H
19 Mac 2025M

Rujukan: KKW/ADM/15 Pt.2